

Headline	Tanam 50 pokok cengal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	25	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,997
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,991



Tanam 50 pokok cengal

KUALA LUMPUR: Menyedari fakta kepupusan pokok cengal di negara ini, Puspakom Sdn Bhd mengambil inisiatif mengadakan program menanam pokok berkenaan sebagai salah satu inisiatif melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka.

Pokok yang juga dikenali dengan nama saintifik, *Neobalanocarpus Heimii* itu ditanam di Taman Botani Kepong, di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Hisham Othman berkata, 50 anak pokok itu ditanam kakitangan ibu pejabat, Puspakom Selangor dan Wilayah Persekutuan.

“Selain merapatkan hubungan antara kakitangan, kita juga mahu meningkatkan tahap kesedaran mereka terhadap pentingnya usaha me-



KENANGAN...kakitangan Puspakom yang menyertai program menanam pokok di FRIM, Kepong, kelmarin.

mulihara alam sekitar untuk generasi akan datang,” katanya.

Pada majlis sama, Puspa-

kom turut menyampaikan sumbangan RM20,000 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

untuk tujuan penyelidikan terhadap pemuliharaan alam sekitar termasuk flora mahupun fauna.